

Harga runcit petrol, diesel turun

# Formula APM manfaat pengguna

Penurunan terbesar dari minggu lalu bukti kerajaan komited dasar

Oleh Samadi Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Harga runcit petrol RON97 turun 7 sen kepada RM2.34 seliter, RON95 turun 4 sen kepada RM2.04 dan diesel turun 10 sen kepada RM2.08 seliter, mulai tengah malam tadi.

Harga siling RON95 ditetapkan kerajaan pada paras tidak melebihi RM2.08 seliter, manakala diesel pula tidak melebihi RM2.18 seliter. Harga runcit terbaru bagi produk petrol itu adalah bagi tempoh 8 hingga 14 Februari ini.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata penurunan harga runcit minyak itu adalah penurunan terbesar dari minggu lalu iaitu apabila harga petroleum di pasaran dunia turun, harga runcit produk itu juga akan turun.

Harga minyak global mencatatkan penurunan dengan harga penanda aras minyak mentah global, Brent berada pada paras sekitar AS\$55 satu tong, semalam.

Katanya, kerajaan komited dengan dasar penstabilan harga



Penurunan harga runcit petrol dan diesel berikutan penurunan harga di pasaran dunia.

(Foto hiasan)

runcit produk petroleum selaras manifesto Pakatan Harapan (PH) bagi melaksanakan penetapan harga runcit secara mingguan dengan had harga tidak melebihi RM2.08 seliter untuk RON95 dan RM2.18 seliter untuk diesel.

“Sebanyak RM6 bilion subsidi produk petroleum dan gas petroleum cecair (LPG) dibiayai kerajaan pada tahun lalu,” katanya pada sidang media yang turut dihadiri Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, di sini, semalam.

Harga komoditi utama global itu berada dalam aliran menurun bagi tempoh lima minggu berturut-turut, iaitu daripada paras tertinggi tahun ini AS\$71.75 setong dicatat pada 8 Januari lalu.

Penurunan bermula sejak awal Januari itu adalah susulan kebimbangan pelabur mengenai permintaan minyak mentah dunia yang dijangka terjejas akibat penularan coronavirus baharu (2019-nCoV).

Guan Eng berkata, penurunan harga petrol itu juga berdasarkan pengiraan mengikut formula Mekanisme Penetapan Harga Auto-

matik (APM).

“Perkara ini membolehkan pengguna memperoleh manfaat penurunan harga minyak dengan segera. Bagi melindungi pengguna ketika kenaikan harga, harga runcit akan dikekalkan pada paras tidak melebihi RM2.08 seliter bagi RON95 dan RM2.18 seliter bagi diesel,” katanya.

Kerajaan pada 27 Februari tahun lalu menetapkan had pengkalan harga runcit RON95 yang ketika itu pada paras RM2.20 seliter dikurangkan kepada had RM2.08 seliter walaupun harga minyak dunia naik lebih daripada



**Kerajaan komited dengan dasar penstabilan harga runcit produk petroleum selaras manifesto Pakatan Harapan (PH) bagi melaksanakan penetapan harga runcit.**

**Lim Guan Eng,**  
Menteri Kewangan

itu, bertujuan melindungi kepentingan golongan berpendapatan 40 peratus terendah (B40).

Harga siling diesel pula kekal sama pada had RM2.18 seliter, manakala tidak ada harga maksimum ditetapkan untuk RON97.

Berita Harian  
**BH**

HARI :  
TARIKH :  
M/SURAT :  
3  
SABTU  
8/2/2020